

25 AUG 2002

Shafie-Belanjawan

BELANJAWAN 2003 MERUPAKAN BELANJAWAN DEFISIT

KOTA BAHARU, 25 Ogos (Bernama) -- Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan depan adalah merupakan belanjawan defisit, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Beliau berkata belanjawan berimbang itu diharap boleh dibentangkan pada akhir Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8).

"Mengenai fokus Belanjawan 2003, kita serahkan kepada Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan untuk mengumumkannya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Umno bahagian Pengkalan Chepa di sini, hari ini.

Shafie berkata bagi mengatasi masalah belanjawan defisit itu, kerajaan masih lagi bergantung kepada cukai-cukai dalaman yang turut membabitkan pihak swasta.

"Kalau tanya pihak swasta mereka tak nak bayar cukai, tetapi dalam masa sama mereka nak banyak projek...mana nak cari duit...tak kan kita nak berhutang," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan meminta pihak swasta memperkukuhkan lagi produktiviti masing-masing termasuk meningkatkan kecekapan dan menghasilkan produk bermutu tinggi.

Jabatan Kastam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah mempunyai kaedah tertentu bagi membantu memungut cukai-cukai tersebut, katanya.

Shafie juga berkata kerajaan akan memastikan semua kementerian dapat membelanjakan peruntukan mengikut jadual bagi mengelakan peruntukan "pendam".

Beliau berkata kerajaan mengesan ada kementerian tidak membelanjakan peruntukan pada tahun pertama sesuatu projek itu diluluskan antaranya kerana masalah pengambilan tanah yang mengambil masa sehingga setahun.

"Walaupun peruntukan banyak kita beri tetapi bangunan masih belum boleh didirikan, oleh itu peruntukan untuk projek itu akan diberi pada tahun kedua iaitu apabila tahun pertama selesai masalah tapak," katanya.

--BERNAMA

BD RAR ZB